

Najib perkukuh hubungan Malaysia-Jepun

UM - 6/3/2007

Daripada ROSNI HASSAN

TOKYO 5 Mac - Hubungan diplomatik Malaysia-Jepun yang telah terjalin sejak 50 tahun lalu akan menjadi lebih kukuh melalui lawatan rasmi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke negara ini, bermula hari ini.

Lawatan atas jemputan kerajaan Jepun itu juga mampu memupuk persefahaman dan kerjasama di kalangan masyarakat perniagaan kedua-dua negara.

Ini adalah lawatan rasmi pertama bagi Najib ke Jepun sejak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan merupakan satu langkah susulan untuk meneruskan kesinambungan hubungan dua hala Kuala Lumpur-Tokyo di samping melihat peluang-peluang baru untuk kedua-dua negara menjalin kerjasama bagi faedah bersama.

Menurut Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Mohd. Radzi Abdul Rahman, lawatan Timbalan Perdana Menteri itu membolehkan kedua-dua negara meneroka kerjasama dalam pelbagai bidang berkaitan termasuk perdagangan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), bioteknologi dan modal insan.

"Lawatan ini amat bermakna kerana ia sempena 50-tahun hubungan diplomatik yang terjalin antara kedua-dua negara.

"Jepun merupakan rakan Malaysia yang penting justeru lawa-



NAJIB Tun Abdul Razak melihat dengan lebih dekat bahagian dalam restoran Malaysian Kitchen sewaktu mengunjungi restoran tersebut di Tokyo, malam tadi.

tan Timbalan Perdana Menteri yang bermula hari ini akan ngeratkan lagi hubungan baik kedua-dua negara," katanya kepada pemberita ketika ditemui di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara dijangka terus berkembang berikutan keyakinan syarikat Jepun terhadap ekonomi Malaysia yang diramal terus kukuh pada ta-

hun-tahun akan datang.

Sehubungan itu, jelas beliau, pelabur-pelabur dari Jepun kini sedang melihat peluang-peluang pelaburan baru yang berpotensi untuk diterokai di

Malaysia.

Menurutnya, jumlah perdagangan Malaysia ke Jepun meningkat tahun lalu iaitu RM115.74 bilion, 10.8 peratus daripada nilai keseluruhan perdagangan Malaysia.

Katanya, jumlah eksport Malaysia ke Jepun juga meningkat 8.07 peratus iaitu daripada RM49.93 bilion pada tahun 2005 kepada RM52.20 bilion tahun lalu.

Menurut Mohd. Radzi, sepanjang lawatan kali ini, Timbalan Perdana Menteri dijadual mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan para pemimpin utama Jepun seperti Perdana Menteri, Shinzo Abe, Menteri Pertahanan, Fumio Kyuma dan Menteri Luar, Taro Aso.

Najib juga akan menyampaikan ucapan bertajuk *Peluang Perniagaan di Malaysia*, selepas mengadakan pertemuan dengan ahli perniagaan Jepun pada hari kedua lawatannya.

Selain itu, Najib akan menyampaikan ucapan bertajuk *Membina Persekitaran Keselamatan Yang Komprehensif* di Institut Hal Ehwal Antarabangsa Jepun pada hari ketiga di sini.

Timbalan Perdana Menteri juga akan bersarapan pagi bersama ahli Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (Jameca) esok dan dengan ahli-ahli Parlimen Jepun pada hari ketiga lawatannya.

- Utusan